



PAKAIAN SOLAT BAGI WANITA

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK,

Tingkat 5, Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak.

Talian Umum : 05 254 5332 Faksimili : 05 241 9694

E-mail : muftiperak@perak.gov.my



Disediakan Oleh :

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK,
Tingkat 5, Kompleks Islam,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak.
Talian Umum : 05 254 5332
Faksimili : 05 241 9694
E-mail : muftiperak@perak.gov.my



Isi Kandungan

<i>Perkara</i>	<i>Muka Surat</i>
LATAR BELAKANG	1
PENDAHULUAN	2
AURAT WANITA KETIKA SOLAT	3
BATAS AURAT MENURUT MAZHAB SYAFIE	5
HUKUM DAN CIRI - CIRI PAKAIAN SOLAT BAGI WANITA	5
PEMAKAIAN TELEKUNG WANITA KETIKA SOLAT	6
PAKAIAN LAIN SELAIN DARIPADA TELEKUNG WANITA KETIKA SOLAT	8
KEPELBAGAIAN PAKAIAN WANITA KETIKA SOLAT	9
TIDAK BERPAKAIAN KETIKA SOLAT	10
SOAL JAWAB	12
KESIMPULAN	14

LATAR BELAKANG

Pakaian yang dikenakan oleh seseorang mempunyai nilai di sisi Allah SWT. Allah SWT telah menetapkan kaedah umum dalam berpakaian, yang bertujuan untuk menutup aurat seseorang.

Firman Allah SWT:

يٰۤاٰدَمُ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَيْكَ لِبَاسًا يُّوْرِي سَوْءَ تِكُمْ وَّرِيْشًا وَّلِبَاسَ التَّقْوٰى
ذٰلِكَ خَيْرٌ ذٰلِكَ مِّنْ ءَايٰتِ اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُوْنَ

Maksudnya: "Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutupi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat".
(Al-A'raf:26)

Di dalam kitab tafsir Al-Azhar karangan Prof Dr Hamka menyatakan, Allah telah memberi peringatan tentang pakaian takwa. Kalau diambil erti asal perkataan takwa, iaitu memelihara, maka pakaian itu sendiri bertujuan untuk memelihara aurat supaya tidak terdedah dan takwa juga mampu untuk memelihara jiwa. Di dalam ayat ini dijelaskan bahawa agama tidak menghalang untuk berhias. Akan tetapi jika kita mengenakan pakaian mewah, warna-warni sama ada lelaki mahupun perempuan sehingga menjadi takabbur dan mengangkat diri lebih daripada semestinya, maka itu adalah dilarang sama sekali.

Pakaian merupakan lambang peribadi kepada setiap individu. Melalui pakaian, kita dapat menilai watak atau personaliti seseorang kerana ia secara tidak langsung mencerminkan akhlak yang kita miliki. Islam sendiri menekankan kepada kita untuk menjaga etika berpakaian dalam kehidupan seharian kita baik lelaki mahupun perempuan yang sekaligus mampu untuk memelihara maruah diri seseorang.

Namun begitu, tidak semua manusia yang patuh kepada syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan sebaik-baik pemahaman dalam kehidupan mereka. Pada hari ini, ramai sekali wanita yang bertudung tetapi seolah-olah bertelanjang. Mereka hanya sekadar memahami konsep menutup aurat dengan memakai tudung sahaja yang seiring dengan *trend* dan fesyen masa kini, tetapi bukan secara keseluruhannya seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT. Ini jelas menunjukkan tujuan asal untuk menutup aurat telah terpesong daripada landasan syarak yang sebenarnya.

Apabila menyebut tentang pakaian wanita ketika berada di luar rumah, ia sangat berkait rapat dengan aurat wanita ketika solat. Jarang sekali kita melihat wanita yang memakai pakaian "*ready solat*" ketika ingin keluar rumah yang sebenarnya memudahkan mereka untuk menunaikan solat pada bila-bila masa, jika ada pun pada bilangan yang sedikit sahaja. Jadi, risalah yang disediakan ini diharap dapat membantu mereka dalam memahami konsep menutup aurat dengan sebaik-baiknya.

PENDAHULUAN

Dewasa kini, pelbagai bentuk dan cara berpakaian yang digunakan oleh kaum wanita dalam melaksanakan ibadat solat sama ada yang selaras dengan syariat Islam mahupun yang bercanggah dengannya. Kebiasaannya, kaum wanita dilihat sering memakai set kain putih yang dikenali sebagai telekung setiap kali menunaikan solat dan menjadikannya suatu kebiasaan yang tidak boleh ditinggalkan. Hakikatnya, penggunaan telekung adalah untuk memudahkan para wanita yang ingin menunaikan solat sama ada di dalam rumah mahupun di luar rumah dengan sempurna, namun ia bukanlah syarat wajib untuk menunaikan solat.

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا اٰدَمُ خُذْ زِيْنَتَكَ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا
تَسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ

Maksudnya: "Wahai anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah setiap kali memasuki masjid". (Al-A'raf: 31)

Pakaian yang indah dalam ayat ini bermaksud pakaian yang boleh untuk menutup aurat. Dalam pada itu, masjid pada ayat tersebut bermaksud solat. Jadi, ayat di atas mengandungi erti, "tutupilah aurat kamu setiap kali hendak solat".¹

Hakikatnya, wanita yang ingin menunaikan solat tidak semestinya perlu memakai telekung putih sepertimana kebiasaan umum. Bahkan, kita diharuskan untuk memakai pakaian selain daripada telekung untuk menunaikan solat asalkan ianya menutup aurat. Tatacara berpakaian harian seperti labuh, longgar dan dapat menutup aurat dengan sempurna diperlukan bagi menepati piawaian syarak disamping dapat melaksanakan ibadat solat.

Syarat sah solat adalah syarat yang mesti dipenuhi sebelum mengerjakan solat. Jika salah satunya tiada, maka solat itu tidak sah. Antara syarat-syarat sah solat adalah seperti berikut:²

1. Mengetahui masuknya waktu solat.
2. Suci dari hadas besar dan kecil.
3. Suci badan, pakaian, dan tempat solat daripada najis.
4. Menutup aurat.
5. Menghadap ke arah kiblat.

1. Syaikh Abu Malik Kamal Bin As-Sayid Salim. 2012. *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah*. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd. m.s 79.

2. Ibid. m.s. 76-81.

AURAT WANITA KETIKA SOLAT

Menutup aurat merupakan salah satu syarat sah solat yang perlu diambil kira bagi wanita dalam memastikan ibadat solat diterima oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَلَا يَبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya: "dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya.." (Al-Nur: 31)

Ayat di atas memberi pengertian bahawa wanita tidak boleh menampakkan bahagian-bahagian aurat tubuh badan mereka kecuali muka dan telapak tangan.

Sabda Rasulullah SAW:

إِلَّا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ حَائِضٍ إِلَّا بِخِمَارٍ

Maksudnya: "Allah SWT tidak menerima solat wanita yang telah baligh, kecuali dengan memakai khimar"³ (Riwayat Ibnu Majah)

Hal ini menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan agar setiap wanita menutup bahagian kepalanya jika ingin bersolat.

Sepertimana perintah Allah SWT kepada para wanita supaya menutupnya sehingga sampai ke dada:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُجُوهُنَّ

Maksudnya: "dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka". (Surah Al-Nur: 31)

Wanita harus menyediakan pakaian yang bersesuaian untuk mendirikan solat. Pakaian tersebut hendaklah menepati syarat-syaratnya seperti labuh, panjang dan tebal serta tidak menampakkan warna kulit. Sekiranya pakaian tersebut nipis, maka tidak sah dipakai ketika solat.

3. Sunan Abu Dawud, No.641, Sunan Ibnu Majah, No.655. Status Hadis: Sahih

BATAS AURAT MENURUT MAZHAB SYAFIE

Aurat orang perempuan (selain hamba) dan juga khunsa (orang yang tidak tentu jantinya atau yang mempunyai kedua-dua organ jantina) ialah pada seluruh tubuhnya kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan, sama ada belakang tapak tangan atau perut tapak tangan yang meliputi dari hujung jari hingga ke pergelangan tangan.⁴ Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَا يَبْدِيَنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya: "dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya". (Surah An-Nur: 31)

Ibn Abbas r.a dan 'Aisyah r.a berkata bahawa yang dimaksudkan dengan yang zahir itu ialah muka dan kedua-dua tapak tangan kerana Nabi Muhammad SAW melarang orang perempuan yang berihram (sama ada untuk mengerjakan haji atau umrah) daripada memakai sarung tangan dan penutup muka. Jika muka dikira sebagai aurat, nescaya tidak diharamkan menutupnya semasa berihram.⁵

HUKUM DAN CIRI-CIRI PAKAIAN SOLAT BAGI WANITA

Wajib: Bagi wanita yang ingin menunaikan solat, pakaian wajib bagi mereka ialah yang menutup aurat, iaitu seluruh anggota badannya kecuali muka dan tapak tangan.⁶

Sunat: Adapun sunat bagi wanita adalah solat dengan tiga kain, iaitu tudung untuk menutup kepala dan leher, kain untuk menutup tubuh dan kedua kaki, dan kain luar untuk menutup pakaian. Mereka juga disunatkan untuk memilih kain yang tebal sehingga bahagian tubuhnya tidak kelihatan.⁷ Bahkan digalakkan untuk memakai pakaian yang berwarna putih kerana ia merupakan warna kesukaan Nabi Muhammad SAW. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ سَمُرَةَ بِنْتِ جُنْدَبٍ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) ((اَلْبَسُوا ثِيَابَ الْبَيَاضِ ، فَإِنَّهَا أَطْهَرُ وَأَطْيَبُ ، وَكَفْنَا فِيهَا مَوْتَاكُمْ)) .

4. Wahbah Al-Zuhaili, . 1997. *Fiqh & Perundangan Islam*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Jilid 1. m.s 610.

5. Ibid. m.s 610.

6. Ibid. m.s 598.

7. Wahbah Al-Zuhaili. 2010. *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*. Darul Fikir: Jakarta. m.s 150.

Maksudnya: “*pakailah pakaian putih, kerana ia lebih suci dan lebih baik. Dan kafanlah orang mati dengannya*”.⁸ (Riwayat Ibnu Majah)

Harus: Harus bagi wanita untuk menunaikan solat dengan pakaian yang dipakai ketika keluar rumah seperti pakaian kasual selagimana ia masih menutup aurat.

Makruh: Makruh bagi wanita untuk menunaikan solat dengan pakaian yang ketat yang menampakkan bentuk badan mereka. Sekiranya pakaian itu boleh menyembunyikan warna kulit tetapi menampakkan bentuk dan ukuran tubuh badan, maka sah solat dengan memakainya kerana ia tidak dapat dielakkan sekalipun memakai pakaian yang tebal. Walau bagaimanapun, menurut pendapat ulama mazhab Syafie, kain seperti itu makruh dipakai oleh wanita.⁹

Haram: Haram bagi seseorang wanita untuk menunaikan solat dengan memakai pakaian yang terkena najis. Solat menjadi tidak sah jika memakai pakaian yang terkena najis kerana salah satu daripada syarat sah solat ialah suci badan, pakaian, dan tempat solat daripada najis.¹⁰ Selain itu, menurut pendapat ulama mazhab Syafie sah solat dengan menggunakan pakaian yang haram iaitu pakaian yang dibeli dengan wang haram atau setengah daripadanya. Akan tetapi penggunaan pakaian tersebut adalah haram!¹¹

PEMAKAIAN TELEKUNG WANITA KETIKA SOLAT

1) Telekung Putih:

Secara umumnya, kaum wanita sudah terbiasa dengan pemakaian telekung putih ketika solat sama ada di rumah mahupun di masjid. Hukum memakai telekung putih adalah diharuskan selagimana ia tidak jarang sehingga menampakkan warna kulit kerana ia menjadi simbol kepada kesucian dan kesederhanaan sekaligus ia merupakan warna kesukaan Rasulullah SAW seperti hadis yang telah disebutkan di atas.¹²

8. Fathul Bari syarah Sahih Muslim, m.s 3/162. Status Hadis: Sahih.

9. Ibid. m.s 601.

10. Ibid. m.s 151.

11. Ibid. m.s 600.1

12. Mu'ammal Hamidy, Imron & Umar Fanany. 1994. *Terjemahan Nailul Authar*. Victory Agensi; Malaysia. Jilid 1, m.s 405-406.

2) Telekung Lycra

Pada zaman sekarang, kita didedahkan dengan pelbagai gaya, bentuk, corak, dan warna terkini dalam pemakaian seharian termasuklah pakaian ketika bersolat. Pemakaian telekung Lycra sudah lama diperkenalkan serta mendapat tempat di hati masyarakat. Seperti yang telah sedia maklum, ciri-ciri kain Lycra adalah sejenis kain yang bersifat kasual, kenyal (elastik), tahan haba panas, lembut, halus, mempunyai ketahanan lipatan yang tinggi.¹³ Pemakaiannya adalah diharuskan selagimana tujuannya adalah untuk melakukan amal ibadat dengan ikhlas dan untuk menutup aurat, serta bukanlah dengan niat untuk menunjuk-nunjuk. Namun, ternyata kain Lycra yang berkualiti tinggi dan tebal mampu melindungi aurat wanita ketika solat serta tidak melekat pada tubuh badan. Namun, pemakaian telekung Lycra yang nipis dan melekat perlulah dielakkan.

3) Telekung Yang Berwarna

Harus bagi seseorang wanita memakai telekung berwarna. Mereka perlulah memilih warna yang sesuai sekiranya untuk dipakai ke masjid seperti warna yang sederhana terang atau lembut. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada menjadi perhatian bagi lelaki bukan mahram dan mengganggu kekhusyukan jemaah wanita lain ketika solat. Pemilihan warna seperti krim, pink lembut atau warna *pastel* dilihat lebih bersesuaian dengan persekitaran kita. Pemakaian telekung yang berwarna seperti merah jambu terang, merah terang dan sebagainya perlu dielakkan kerana penggunaan warna yang agak keterlaluan atau terang jarang diamalkan oleh masyarakat kita.

4) Telekung Bercorak

Pemakaian telekung yang bercorak atau berwarna juga adalah diharuskan. Namun begitu, perkara pertama yang perlu dinilai ialah tujuan asal pemakaiannya bagi setiap wanita untuk menunaikan solat di masjid.

13. Diakses pada 4 April 2015. <http://nashfesyen.blogspot.com/2013/10/mengenal-fabrik-chiffon-georgette-dan.html>.

Tujuan utama kita memakai telekung adalah untuk menutup aurat dengan sempurna serta dapat melakukan ibadah solat dengan khusyuk sekaligus diterima sebagai amal ibadat oleh Allah SWT. Bagi isu pemakaian telekung bercorak termasuklah yang mempunyai sulam, manik, bunga-bunga yang ditampal mahupun corak yang sedia ada pada kain itu perlulah diberi perhatian. Jika pemakaian telekung bercorak yang dipakai oleh seseorang wanita di masjid adalah bertujuan untuk menutup aurat dan melakukan amal ibadat semata-mata kepada Allah, maka ia diharuskan asalkan tidak mengganggu kekhusyukan diri dan jemaah wanita yang lain. Namun, jika wanita tersebut berniat untuk menunjuk-nunjuk kepada jemaah wanita yang lain, maka ia dilarang sama sekali.

PAKAIAN LAIN SELAIN DARIPADA TELEKUNG WANITA KETIKA SOLAT

Terdapat dalil daripada ayat al-Quran yang berkaitan dengan kewajipan menutup aurat sebagaimana firman Allah SWT:

يٰۤاٰدَمُ خُذْ زِيْنَتَكَ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

Maksudnya: "Wahai anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah setiap kali memasuki masjid". (Al-A'raf: 31)

Menurut Ibn Abbas r.a, apa yang dikehendaki di sini ialah pakaian ketika solat. Dan sabda Baginda lagi:

يَا اَسْمَاءُ. اِنَّ الْمَرْءَةَ اِذَا بَلَغَتْ الْحَيْضَ لَمْ يَصْلُحْ اَنْ يُرَى مِنْهَا اِلَّا هَذَا وَهَذَا ،
وَأَشَارَ اِلَى وَجْهِهِ وَكَفِيْهِ.

Maksudnya: "Wahai Asma', orang perempuan apabila meningkat umur haid (umur baligh), tidak boleh dilihat padanya kecuali ini dan ini. Baginda Rasulullah SAW pun menunjukkan muka dan kedua-dua tapak tangan baginda".¹⁴ (Riwayat Abu Daud)

14. Sunan Al-Kubra Al-Baihaqi. m.s 2/226. Status Hadis: Mursal. Sunan Abi Daud. no. hadis: 4104

Menurut kitab Fiqh & Perundangan Islam karangan Dr Wahbah al-Zuhaili, salah satu syarat bagi penutup aurat hendaklah tebal dan tidak jarang. Wajib menutup aurat dengan kain tebal atau kulit atau kertas yang boleh menyembunyikan warna kulit dan yang tidak menampakkan sifatnya. Jika kain tersebut nipis atau jarang yang boleh menampakkan apa-apa yang di bawahnya iaitu anggota badan yang ada disebalik kain tersebut atau menampakkan warna kulitnya seperti cerah atau kemerah-merahan, maka tidak sah bersolat dengannya kerana tidak mencapai tujuan menutup aurat.

Sebaliknya, sekiranya kain itu boleh menyembunyikan warna kulit, tetapi menampakkan bentuk dan ukuran tubuh badan, maka sah bersolat dengannya kerana ia tidak dapat dielakkan sekalipun memakai kain tebal. Walau bagaimanapun, menurut pendapat ulama mazhab Syafie, kain seperti itu **makruh dipakai** oleh perempuan dan khilaf al-awla bagi orang lelaki.

Menurut pendapat ulama mazhab Syafie, syarat penutup ialah sesuatu yang tidak menampakkan warna kulit, sekalipun menggunakan air yang keruh atau tanah. Tetapi tidak boleh menggunakan selubung yang sempit dan keadaan gelap sebagai penutup aurat. Menurut pendapat mereka juga, penutup mestilah suci.¹⁵

KEPELBAGAIAN PAKAIAN WANITA KETIKA SOLAT

1. T-shirt + Seluar Jeans + Sarung Lengan

Sepertimana yang sedia maklum, jika kita ingin menunaikan solat dengan menggunakan pakaian yang dipakai ketika bersiar-siar seperti t-shirt, seluar jeans dan sarung lengan, perlu diteliti sama ada pakaian tersebut sesuai dibawa untuk bersolat ataupun tidak. Jika semua pakaian di atas bersifat tebal, longgar (tidak menampakkan bentuk badan) dan tidak jarang (tidak menampakkan warna kulit), maka harus untuk kita menunaikan solat dengannya. Selain itu, pakaian tersebut mestilah suci daripada najis yang boleh membatalkan solat.

15. Ibid. m.s 598-599.

2. Gaun + Stoking

Gaun atau *dress* ialah sejenis pakaian wanita seperti jubah yang labuh tetapi diubah mengikut trend dan gaya terkini dan terdiri daripada warna, tekstil dan bentuk yang berbeza mengikut citarasa masing-masing. Tidak semua gaun memenuhi syarat dalam menutup aurat kerana kebanyakan gaun seperti ini dijahit mengikut bentuk badan si pemakai dan tekstil yang digunakan pula kebiasaannya adalah nipis. Jika ingin memakainya untuk menunaikan solat, kita perlu memastikan ia tidak mempunyai potongan yang menampakkan bentuk badan dan tidak jarang sehingga menampakkan warna kulit. Pakaian tersebut mestilah bersifat longgar, Bagi pemakaian stoking pula, kita perlu memakainya dari jenis kain yang tebal dan tidak menampakkan warna kulit kita.

3. Tudung + T-shirt (Nampak bentuk badan)

Tudung yang dibolehkan ketika solat ialah tudung yang menutup rambut wanita dengan sempurna, tidak jarang sehingga menampakkan leher dan labuh sehingga menutupi dada. Jika tudung yang dipakai mampu memenuhi syarat-syarat tersebut, kita diharuskan untuk bersolat menggunakannya. Makruh hukumnya bagi pemakaian t-shirt yang ketat sehingga menampakkan bentuk badan. Pakaian yang ketat kebiasaannya akan menzahirkan bentuk pinggul dan dada, melainkan jika kita mencari inisiatif lain untuk menutupnya.

TIDAK BERPAKAIAN KETIKA SOLAT

Menurut pendapat ulama mazhab Maliki, seseorang yang tidak mempunyai penutup aurat, hendaklah solat secara telanjang kerana menutup aurat dituntut ketika terdaya, maka tergugur tuntutan itu jika tidak berdaya. Menurut pendapat ulama mazhab Hanbali, dalam keadaan yang tiada pakaian hendaklah dilakukan solat secara duduk dan melakukan isyarat. Menurut pendapat ulama mazhab Syafie dan Hanafi, wajib dilakukan solat sekalipun dengan melumuri tanah pada tubuh badan sebagai penutup aurat.

Menurut pendapat ulama mazhab Hanafi dan Maliki, memadai dengan kegelapan sebagai penutup aurat kerana darurat, sementara menurut pendapat yang paling sahih dikalangan ulama mazhab Syafie, hendaklah menutup dengan tangan, begitu juga menurut pendapat ulama mazhab Hanbali. Menurut ulama mazhab Syafie juga hendaklah dilakukan solat secara berdiri bagi menyempurnakan rukun solat. Sementara menurut pendapat ulama mazhab Hanafi dan Hanbali, hendaklah dilakukan solat secara duduk dan membuat isyarat termasuklah ketika rukuk dan sujud.

Rumusannya, solat berjemaah adalah diharuskan bagi sesiapa yang tidak mempunyai pakaian. Oleh itu, menurut pendapat ulama mazhab Syafie dan Hanbali, mereka boleh melakukan solat sama ada secara berjemaah atau bersendirian. Jika solat secara berjemaah, imam hendaklah berdiri di tengah-tengah barisan saf, dan semua makmum perlu berada dalam satu barisan sahaja supaya tidak ternampak aurat sesama mereka. Namun, jika terpaksa membuat dua saf, maka hendaklah solat dengan menutup mata masing-masing.

Menurut pandangan ulama mazhab Syafie, jika semua makmum buta atau berada di tempat gelap, maka diharuskan melakukannya secara berjemaah. Jika boleh nampak antara mereka, maka solat secara berjemaah atau bersendirian adalah sama hukumnya.¹⁶

Hal ini jelas menunjukkan bahawa kewajipan solat wajib dilakukan oleh semua insan yang sudah mencapai usia baligh walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Hal ini kerana solat itu merupakan salah satu bentuk pengabdian manusia kepada Allah SWT yang perlu dilakukan sepertimana firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Maksudnya: " Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman." (Surah An-Nisa: 103)

16. Ibid. m.s. 601-602.

SOAL JAWAB

Hukum solat memakai sarung tangan dan kaki

Sah solat seseorang wanita yang mendirikan solat dengan memakai sarung tangan. Namun, dimaafkan jika tidak memakai sarung tangan ketika solat. Manakala bahagian kaki adalah wajib bagi wanita untuk menutupnya menurut majoriti ulama. Sebahagian ulama membolehkan tidak menutup kaki jika pakaian yang dipakainya labuh, tetapi majoriti ulama mengatakan tidak boleh membukanya malah ia perlu menutupnya.¹⁷

Hukum memakai niqab ketika solat

Sunat bagi wanita untuk tidak menutup wajah ketika mendirikan solat jika tiada orang lelaki yang bukan muhrim di sekitarnya.¹⁸ Seperti yang diketahui, dahi merupakan salah satu rukun sujud yang terdiri daripada dahi, dua tapak tangan, lutut dan perut jari kedua-dua kaki. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ (ص) قَالَ أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ
عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ، عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ - وَالْيَدَيْنِ،
وَالرُّكْبَتَيْنِ، وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ، وَلَا نَكْفِتُ الثِّيَابَ وَالشَّعْرَ.

Maksudnya: "Dari Ibnu Abbas r.a dari Nabi SAW bersabda, disuruh aku sujud (oleh Tuhanku) supaya aku sujud di atas tujuh anggota iaitu di atas dahi dan diisyratkannya (ditunjukkan) dengan tangannya di atas hidungnya, dua tapak tangan, dua lutut, dan dua telapapak kaki dan kami tidak boleh menghalang kain dan rambut".¹⁹ (Riwayat Al Bukhari)

17. Ustaz Haji Shibabudin. 2005. *Wanita Bertanya Ulama Menjawab*. Jasmin Enterprise: Kuala Lumpur. M.S 88-89.

18. Ibid. M.S 88.

19. Sahih Bukhari. M.S 812. Status Hadis: Sahih.

Berdasarkan buku *Kepimpinan Kesempurnaan Sembahyang* bagi seseorang yang sedang solat, mereka hendaklah tidak sujud di atas sesuatu yang menutup bahagian dahi seperti bahagian atas tudung atau telekung. Maka tidaklah sah sujud di atas kain itu kerana ia turut bergerak mengikut pergerakan solat.²⁰

Hukum bersolek ketika solat

Sah solat bagi wanita yang menunaikan solat dengan solekan di wajah mereka. Hal ini kerana, kebiasaan bagi mereka untuk mengenakan solekan di wajah selepas mengambil wuduk dan terus memasuki saf untuk bersolat. Akan tetapi, mereka haruslah memastikan bahan-bahan yang digunakan oleh sesuatu produk tersebut suci dan tidak mempunyai unsur-unsur yang meragukan. Selain itu, mereka juga perlu membersihkan solekan mereka terlebih dahulu sebelum mengambil wuduk kerana terdapat sesetengah bahan yang digunakan boleh menghalang air sampai ke anggota wuduk seperti maskara dan gincu yang mempunyai sifat kalis air. Perkara ini harus diberikan penekanan kepada semua wanita kerana ia melibatkan ibadat yang paling utama di dalam Islam.

Adakah dagu dikategorikan sebagai aurat?

Al Imam Syafie rahimahullah dalam kitabnya *Al-Umm* juga mengatakan bahawa dagu adalah sebahagian daripada muka.²¹ Perkara mengenai bahagian bawah dagu merupakan isu khilaf di antara ulama-ulama. Sebahagian daripada mereka mengatakan jika dagu itu merupakan anggota daripada muka, maka tidak diwajibkan bagi wanita untuk menutup bahagian dagu ketika solat. Namun, ada pendapat lain yang mengatakan jika kita menganggap ia adalah anggota leher, maka diwajibkan untuk menutup bahagian tersebut ketika solat. Akan tetapi, jika ingin mengambil langkah berhati-hati, kita digalakkan untuk menutupinya agar bahagian leher tidak terbuka ketika bergerak, ditiup angin atau seumpamanya.

20. Haji Hussain Haji Paris. 2002. *Kepimpinan Kesempurnaan Sembahyang*. Samasa Press: Sarawak. m.s 109.

21. Husein Abdul Hamid & Ulama Al-Azhar Al-Syarif. 2007. Mukhtasar Kitab *Al-Umm Fi Al-Fiqh* Imam Al-Syafie. Pemiagaan Jahabersa: Johor Bharu. m.s 22.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pakaian solat bagi wanita tidak hanya terikat dengan memakai telekung yang sudah menjadi adat dan kebiasaan di Malaysia. Islam itu sendiri memberikan kemudahan dan kelonggaran bagi mereka untuk berpakaian selagimana ia tidak bercanggah dengan Syarak. Justeru, banyak perkara yang perlu diambil berat oleh kaum wanita berkenaan dengan solat bagi memastikan ibadat yang dilakukan oleh mereka diterima oleh Allah SWT.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Al-Hadis

Dr Mustofa Al-Khin, Dr Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji. 2011. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Percetakan Salam: Kuala Lumpur.

Haji Hussain Haji Paris. 2002. *Kepimpinan Kesempurnaan Sembahyang*. Samasa Press: Sarawak.

Haji Shihabudin. 2005. *Wanita Bertanya Ulama Menjawab*. Jasmin Enterprise: Kuala Lumpur.

Haya Binti Mubarak Al-Barik. 1999. *Ensiklopedia Wanita Muslimah*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Mu'ammal Hamidy, Imron & Umar Fanany. 1994. *Terjemahan Nailul Authar*. Victory Agensi: Malaysia.

Syeikh Abu Malik Kamal Bin As-Sayid Salim. 2012. *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah*. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd.

Wahbah Al-Zuhaili. . 1997. *Fiqh & Perundangan Islam*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Wahbah Al-Zuhaili. 2010. *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*. Darul Fikir: Jakarta.

INTERNET

Dorar.net.

<http://nashfesyen.blogspot.com/2013/10/mengenali-fabrik-chiffon-georgette-dan.html>.

The image shows the interior of a mosque, characterized by its intricate geometric and floral patterns. The ceiling is covered in a complex, golden-brown lattice design. A large, multi-tiered chandelier with a similar pattern hangs from the center. The floor is also covered in a matching pattern. The architecture features a series of white columns supporting a series of arches. The lighting is warm, creating a rich, golden glow throughout the space. The text is overlaid on a semi-transparent dark band across the middle of the image.

PAKAIAN
SOLAT
BAGI WANITA